

28 JAN 1999

Abdullah-Sabah

ABDULLAH TEGUR PEMBANGKANG BANGKITKAN ISU SABAH DIJAJAH

KOTA KINABALU, 28 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menegur sikap pembangkang di Sabah, yang sering menimbulkan isu kononnya Sabah berada di bawah telunjuk kerajaan Persekutuan.

Pemimpin pembangkang juga tidak wajar membuat tafsiran yang salah terhadap hubungan baik, yang telah terjalin antara pemimpin negeri dan Persekutuan kerana ia boleh merosakkan kestabilan yang wujud di negeri ini.

"Kalau saya kata perbuatan pembangkang ini sebagai tidak bertanggungjawab, mungkin terlalu keras, tetapi itulah hakikatnya," katanya pada majlis amanat dan perjumpaan dengan pegawai awam kerajaan negeri dan Persekutuan di Dewan Maksak di Likas, dekat sini.

Beliau berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah adalah sebahagian daripada kerajaan BN di negara ini, yang dipilih rakyat secara demokrasi dan memerintah negara ini dengan penuh kesungguhan, bagi memastikan pembangunan dan kepentingan rakyat sentiasa mendapat perhatian.

"Apa kena-mengena dengan Kuala Lumpur nak menindas Sabah atau Sabah nak tunduk kepada kerajaan Persekutuan. Ini adalah hubungan perundingan yang terjalin antara kedua-duanya," katanya.

Beberapa pemimpin pembangkang, khususnya Parti Bersatu Sabah (PBS), sebelum ini menimbulkan isu yang berkaitan dengan apa yang mereka dakwa sebagai kehilangan hak-hak negeri Sabah sejak BN memerintah Sabah.

Abdullah berkata: "Di Sabah ada kerajaan BN dan sebagai kerajaan BN tentulah ia bertindak mengikut dasar kerajaan BN dan hubungan kerajaan negeri Sabah dan kerajaan Pusat yang sehati itu tentulah sentiasa erat dan mesti ada perundingan yang terus-menerus."

Katanya adalah sesuatu yang lumrah jika pemimpin kedua-dua kerajaan sentiasa berbincang demi kebaikan rakyat.

"Kalau Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok nak telefon Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam 10 kali sehari pun tidak ada salahnya," kata beliau.

Menurutnya suasana sedemikian tidak wujud di Sabah ketika negeri ini masih diperintah pembangkang kerana kerajaan negeri bergerak sendirian dan ditambah pula dengan semangat kenegerian wujud di kalangan pemimpin Sabah sebelum ini.

Dakwa kononnya Sabah diperintah Kuala Lumpur mungkin timbul akibat rasa rendah diri atau perasaan marah terhadap kerajaan Persekutuan, tetapi kata Abdullah, semua ini tidak perlu timbul kerana semua rakyat negara ini berada di negara yang dihormati di seluruh dunia.

"Walaupun bagaimanapun hakikatnya, hubungan kerajaan negeri dan Persekutuan mesti ada dan ia mesti erat dan membawa kebaikan kepada semua," kata beliau.

Kerajaan Malaysia tidak ditubuhkan akibat rampasan kuasa oleh mana-mana kumpulan tetapi merupakan kerajaan yang dipilih secara demokrasi oleh rakyat melalui pilihan raya umum, kata beliau.

Beliau berharap anggota perkhidmatan awam di Sabah tidak terpengaruh dengan pandangan kononnya hubungan erat kerajaan negeri dan Persekutuan adalah kerana kerajaan Pusat memerintah Sabah.

Kehadiran pegawai dan kakitangan awam dari Semenanjung ke Sabah juga tidak harus dilihat sebagai cubaan untuk memaksakan kuasa Persekutuan ke atas Sabah seperti yang didakwa pembangkang.

"Walaupun ada pegawai Persekutuan di Sabah, tetapi mereka di sini untuk

berkhidmat dan untuk membantu kemajuan Sabah, tidak lebih daripada itu. Mereka tidak ada mentaliti kolonial," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai pertemuannya dengan Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok selepas tiba di sini pagi ini, Abdullah berkata ia menyentuh pelbagai perkara.

"Kita bincang macam-macam... dari segi hubungan kerajaan negeri dan Persekutuan, usaha untuk memperbaiki lagi kerjasama dan pelbagai perkara lagi," katanya.

-- BERNAMA

JS RI NMO